

Tahap Amalan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Tunjang Perkembangan Fizikal Dalam Kalangan Guru Pendidikan Prasekolah Tabika

(The Level of Practical Content Pedagogy Knowledge of the Physical Development Among Kindergarten Preschool Education Teachers)

Mohd Rizal Mohtar^{1*}, Omar Firdaus Mohd Said¹, Rozaireen Muszali¹

¹ Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p20231000435@siswa.upsi.edu.my

Received: 28 February 2024 | Accepted: 12 April 2024 | Published: 30 April 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.48>

Abstrak: Kajian yang berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana amalan pengetahuan pedagogi kandungan guru pendidikan prasekolah Tabika dalam tunjang perkembangan fizikal. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 84 orang guru-guru jenis prasekolah Tabika KEMAS di sekitar Negeri Melaka. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang diedarkan secara google form. Data yang diperolehi dianalisis dan dipersembahkan secara deskriptif menggunakan kekerapan, peratusan dan min. Secara keseluruhannya, hasil tinjauan menunjukkan bahawa amalan pengetahuan pedagogi bagi guru pendidikan prasekolah Tabika KEMAS di sekitar Melaka berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.75). Ini menunjukkan bahawa para guru jenis prasekolah Tabika KEMAS di Melaka yang mempunyai inovatif, daya kreativiti serta kompeten yang agak baik serta dalam mengendalikan pengajaran kemahiran perkembangan fizikal yang komprehensif. Namun begitu masih terdapat beberapa item pernyataan seperti strategi pengajaran berasaskan permainan, penilaian berasaskan kriteria dan menggalakkan murid melakukan kemahiran melalui permainan yang mencabar menunjukkan nilai min pada tahap kurang memuaskan (min=3.5). Kajian ini turut meninjau perbezaan berdasarkan beberapa faktor taburan demografi. Dapatan menunjukkan kebanyakan responden kajian merupakan guru perempuan (95.2%), berbangsa melayu (96.5%) dan kebanyakan berumur 26-35 tahun (34.6%). Dapatan turut menunjukkan kelayakan akademik terbanyak (diploma 79.1%), mempunyai pengalaman mengajar 11-15 tahun (26.7%) serta mengamalkan gaya hidup sederhana aktif (66.3%). Secara keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa keupayaan amalan pengetahuan pedagogi penting dalam membantu guru pendidikan prasekolah Tabika KEMAS merancang, mengurus dan mengelolakan tunjang perkembangan fizikal dengan lebih efkesyen.

Kata Kunci: Amalan pengetahuan, pedagogi kandungan, pendidikan prasekolah, Tabika, Tunjang perkembangan fizikal

Abstract: This survey, aims to see the extent to which the pedagogical content knowledge practices of kindergarden preschool education teachers are in the topic of physical development. The respondents involved in this study were a total of 84 kindergarden KEMAS preschool teachers around the State of Melaka. This study uses a questionnaire as a research instrument that is distributed in a google form. The data obtained was analyzed and presented

descriptively using frequency, percentage and mean. Overall, the results of the survey show that the practice of pedagogical knowledge for kindergarden KEMAS preschool education teachers around Melaka is at a moderately high level (mean=3.75). This shows that the teachers of kindergarden KEMAS preschool in Melaka who have innovative, creative power and are quite competent as well as in handling the teaching of comprehensive physical development skills. However, there are still some statement items such as game-based teaching strategies, criteria-based assessment and encouraging students to perform skills through challenging games showing the mean value at a less than satisfactory level (mean=3.5). This study also looked at differences based on several factors of demographic distribution. Findings show that most of the respondents are female teachers (95.2%), Malay (96.5%) and most are 26-35 years old (34.6%). Findings also show the most academic qualifications (diploma 79.1%), have 11-15 years of teaching experience (26.7%) and practice a moderately active lifestyle (66.3%). Overall, the study shows that the ability to practice pedagogical knowledge is important in helping kindergarden KEMAS preschool education teachers to plan, manage and manage the topic of physical development more effectively.

Keywords: Knowledge Practice, Content Pedagogy, Preschool Education, Kindergarten, Physical Development

1. Pengenalan

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting bagi memberi asas yang kukuh dari segi elemen pengetahuan, kemahiran, keyakinan dan kecekapan fizikal yang perlu diterapkan kepada kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun sebagai langkah persediaan untuk memasuki alam pendidikan formal (Norfaezah Mohd Hamidin et al. 2017). Program pendidikan prasekolah hendaklah sesuai dengan tahap perkembangan konsep sendiri yang positif dan keupayaan kanak-kanak supaya dapat mempraktikkan amalan kesihatan, membina kecergasan badan dan menjaga keselamatan (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2017).

Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Prasekolah merupakan unsur penting yang perlu dikaji dari masa ke semasa bagi mengetahui kejayaan dan kekangan pelaksanaannya. Hal ini kerana pelaksanaannya secara berkualiti mampu mengembangkan potensi murid dari aspek pembentukan karakter secara holistik dan menyeluruh yang kemudiannya membawa kepada semangat untuk belajar sepanjang hayat sebagai mana dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (kementerian Pendidikan Malaysia 2023).

Perubahan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang sering berlaku menyebabkan guru-guru prasekolah yang kurang pengetahuan pedagogi dalam pengajaran memberikan kesan terhadap kandungan pengajaran yang disampaikan tidak selari dengan pembentukan tahap dan perkembangan murid. Justeru itu, faktor kecekapan pengetahuan pedagogi kandungan seseorang guru prasekolah menjadi salah satu aspek penting yang mesti dikuasai bagi menciptakan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan bermakna pada peringkat awal kanak-kanak (Nik Muhamad Amal Mohd Asri et al. 2023)

2. Isu Dan Permasalahan Kajian

Tunjang Perkembangan Fizikal di pendidikan prasekolah adalah salah satu daripada enam tunjang yang boleh merangsang minat serta perkembangan kanak-kanak dari aspek domain

fizikal, kognitif, afektif dan sosial. Secara langsung tunjang ini mendorong kanak-kanak untuk terus meroka, belajar dan mengamalkan gaya hidup aktif dan tingkah laku (Asmaa & Bakar 2021) serta memupuk budaya sukan bagi membina masyarakat yang sihat sepanjang hayat (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia 2023). Sorotan dapatan dari kajian (Norazly Nordin 2020) mendapati tahap kualiti pengajaran aktiviti kemahiran asas fizikal masih lagi kurang memuaskan manakala pengendalian aktiviti fizikal secara berstruktur masih berada pada tahap rendah di prasekolah luar bandar. Pendekatan Permainan merupakan aktiviti pedagogi yang memperkembangkan konsep sendiri yang positif dan keyakinan diri kanak-kanak melalui pelbagai pendekatan P&P yang menyeronokkan (Rahmatullah et al. 2021). Selaras dengan teori konstruktivisme, kanak-kanak membina makna berdasarkan interaksi langsung melalui bermain sambil belajar dan berkembang secara holistik (Tee & Mariani, 2018). Kaedah pembelajaran berasaskan permainan, dilihat lebih berpusatkan kepada kanak-kanak serta konsep aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan mereka menyelesaikan masalah dan membuat keputusan (Zakiah Ashari & Kamis Baharuddin 2016); dan melakukan aktiviti fizikal dengan betul dan selamat (Basoglu 2018).

Kemahiran perkembangan fizikal adalah sesuatu pembelajaran penguasaan kemahiran yang unik malah amat penting dalam tunjang perkembangan fizikal. Masalah ketidakupayaan pengetahuan dan kemahiran guru pendidikan prasekolah sering membawa kepada implikasi kegagalan kepada sistem pendidikan prasekolah kebangsaan terhadap mengendalikan penguasaan pelbagai kemahiran (Rosny & Kamariah 2021) dan pergerakan asas (S. B. A. Masnan & Mohamed 2023) kerana memerlukan perancangan, pengurusan dan pengelolaan yang rapi. Tahap pengetahuan dan kemahiran yang sederhana, menjadikan amalan pengajaran guru prasekolah kurang kreatif dan bosan serta tidak berupaya mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan baik (Mohd Sharif Muhammad Haziq 2019);(Rosny & Kamariah 2021).

Menurut Shulman (1986), beliau telah mengenal pasti sesuatu yang hilang dalam amalan pedagogi guru iaitu pengetahuan pedagogi guru mengenai perkara yang perlu diajar dan hubungan pengetahuan tersebut dengan pengajaran yang akan memberi manfaat kepada murid (A. H. Masnan et al. 2019). Manakala (Mansor et al. 2016) menyatakan pengetahuan dan penguasaan kemahiran amat diperlukan oleh guru prasekolah untuk membantu pembentukan karakter murid melalui pedagogi diluar bilik darjah (Ward et al. 2020);(Wan Fatul & Alias 2020). Justeru itu, kajian tinjauan terhadap amalan pengetahuan pedagogi guru pendidikan prasekolah ini adalah sangat relevan.

3. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memperoleh maklumat tentang tahap amalan pengetahuan pedagogi guru pendidikan prasekolah Tabika KEMAS di sekitar Negeri Melaka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

- i. Mengetahui tahap Amalan Pengetahuan terhadap kandungan bagi guru prasekolah Tabika KEMAS dalam tunjang perkembangan fizikal
- ii. Mengetahui tahap Pengetahuan terhadap standard kandungan bagi guru prasekolah Tabika KEMAS dalam tunjang perkembangan fizikal
- iii. Mengetahui tahap pengetahuan terhadap strategi pengajaran bagi guru prasekolah Tabika KEMAS dalam tunjang perkembangan fizikal
- iv. Mengetahui tahap Pengetahuan terhadap objektif dan aplikasi dunia sebenar bagi guru prasekolah Tabika KEMAS dalam tunjang perkembangan fizikal

- v. Mengenal pasti tahap Pengetahuan terhadap kesukaran murid bagi guru prasekolah Tabika KEMAS dalam tunjang perkembangan fizikal
- vi. Mengenal pasti tahap Pengetahuan penilaian murid bagi guru prasekolah Tabika KEMAS dalam tunjang perkembangan fizikal

4. Ulasan Kajian Lepas

Di Malaysia, sebanyak 64 peratus institusi prasekolah dibiayai dan dikendalikan oleh pelbagai agensi kerajaan. Prasekolah Tabika KEMAS di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat merupakan institusi prasekolah agensi kerajaan yang terbanyak (34%) dibangunkan serta menjadi pilihan utama kebanyakan ibu bapa, berbanding prasekolah Tabika perpaduan Jabatan Perpaduan Nasional (7%) dan prasekolah kendalian KPM (23%) (Ministry of Education Malaysia 2013). Kualiti Pendidikan Prasekolah merupakan salah satu agenda utama dalam sistem pendidikan di Malaysia dan telah dimasukkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Anjakan satu dalam PPPM 2013-2025 antaranya ialah meningkatkan kualiti prasekolah dan menggalakkan enrolmen sejagat menjelang 2020. Akta Pendidikan 1996 secara langsung telah memperkasa dan memartabatkan pendidikan prasekolah sebagai salah satu pendidikan formal kepada kanak-kanak dengan memasukkannya ke dalam program pendidikan di bawah program keberhasilan negara (Unit Perancang Ekonomi Malaysia, 2000). Tabika KEMAS merupakan prasekolah awam pertama yang ditubuhkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat, di bawah Kementerian Luar Bandar Malaysia (Boon 2010). Prasekolah Tabika merupakan rancangan pendidikan awal kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun yang tinggal di kawasan luar bandar. Manakala Prasekolah KPM merupakan program pendidikan awal kanak-kanak yang memfokuskan murid lima dan enam tahun sahaja (Rosmah & Mariani 2017). Menurut UNESCO, pendidikan prasekolah memainkan peranan penting dalam menjana perkembangan secara menyeluruh kanak-kanak serta membantu membina keyakinan diri pelajar dalam sistem pendidikan yang lebih mencabar dalam memastikan kelangsungan generasi masa depan negara (World Bank 2023).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) menyarankan KSPK yang dilaksanakan pada tahun 2010 disemak semula dengan memberi penekanan kepada penguasaan abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, berdaya tahan, mahir berkomunikasi, berprinsip dan berpatriotik untuk membolehkan murid bersaing di peringkat global (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang dihasilkan telah menyepadukan enam tunjang dalam kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan KSPK 2017 yang digunakan oleh kebanyakan institusi pendidikan prasekolah di Malaysia. Kesepaduan ini membantu guru mengendalikan Pengajaran dan Pembelajaran secara berkesan serta kreatif mempelbagai aktiviti kemahiran literasi berpandukan Standard kandungan, Standard Pembelajaran dan standard prestasi mengikut keperluan dan keupayaan murid (Rosmah & Mariani 2020).

Tunjang perkembangan fizikal merupakan salah satu kurikulum prasekolah yang berfokus untuk membina kecergasan dan kecerdasan murid. Di samping itu, kurikulum tunjang perkembangan fizikal menghasratkan murid memupuk kecekapan fizikal, berkeyakinan, bermotivasi, berpengetahuan dan berkemahiran kepada pelbagai pergerakan kompleks yang diperlukan dalam kehidupan (Battaglia et al. 2019). Tunjang perkembangan fizikal merangkumi tiga kemahiran motor umum iaitu lokomotor, bukan lokomotor dan manipulatif sebelum kanak-kanak memasuki alam pendidikan yang lebih berstruktur (Haziq et al. 2021). Kepentingan kemahiran asas motor bagi seseorang kanak-kanak adalah bertujuan memperkembangkan potensi diri secara menyeluruh dari aspek jasmani malah dalam aspek

rohani, intelek, emosi dan juga sosial (Carson et al. 2017). Secara langsung keaktifan kanak-kanak dalam aktiviti fizikal dan corak tingkah laku aktif dapat ditingkatkan selepas dunia dilanda pandemik Covid-19 (Tiziana D'isanto & Francesca D'elia 2021)

5. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan. Responden kajian dipilih secara pensampelan rawak berkelompok, seramai 84 orang guru prasekolah Tabika KEMAS di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat di sekitar Negeri Melaka telah menyertai kajian ini. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang diagihkan secara google form. Data yang diperolehi dianalisis dan dipersembahkan secara deskriptif menggunakan kekerapan, peratusan dan min. Bagi kesahan dan kebolehpercayaan, item instrumen soal selidik disemak dan disahkan terlebih dahulu oleh dua orang pakar bidang pendidikan awal kanak-kanak dan seorang pakar bidang pendidikan jasmani. Kesemua pakar dipilih mempunyai taraf pendidikan doktor falsafah dan sedang berkhidmat melebihi lima tahun di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia.

6. Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden seramai 84 orang guru pendidikan prasekolah yang meliputi maklumat jantina, bangsa, umur, tahap pendidikan, pengalaman mengajar dan penglibatan dalam aktiviti fizikal.

Jadual 1: Taburan demografi responden

Demografi Responden (N=84)	Perihal	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	80	95.2%
	Perempuan	4	4.8%
Kaum	Melayu	81	96.5
	Cina	0	0
	India	1	1.2%
	Lain-lain	2	2.3%
Umur	18 -25 tahun	9	10.7
	26 – 35 tahun	29	34.6
	36 – 45 tahun	28	33.3
	46 tahun ke atas	18	21.4
Kelayakan akademik	Diploma	66	79.1%
	Ijazah Sarjana Muda	17	19.8%
	Sarjana	1	1.2
	Kedoktoran (PhD/ EdD)	0	0
	lain-lain	0	0
Pengalaman Mengajar	1 - 5 tahun	19	22.1%
	6 – 10 tahun	19	22.1%
	11 -15 tahun	22	26.7%
	16 – 20 tahun	10	11.6%
	21 – 25 tahun	4	4.7%
	Lebih 25 tahun	10	12.8%

Penglibatan dalam aktiviti fizikal	Aktif	25	30.2%
	Sederhana Aktif	55	66.3%
	Kurang Aktif	4	3.5%
Jumlah	84	100%	

Hasil kajian menunjukkan bahawa bilangan responden perempuan iaitu seramai 80 orang (95.2%) melebihi bilangan responden lelaki yang hanya seramai 4 orang (4.8%) sahaja. Kaum Melayu seramai 81 orang (96.5%) merupakan responden yang paling ramai dalam menyertai kajian ini. Kebanyakan responden yang turut serta dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan pada peringkat ijazah sarjana muda iaitu seramai 65 orang (86.7%). Bangsa melayu merupakan majoriti iaitu seramai 81 orang (96.5%), india seorang (1.2%) dan lain-lain 2 (2.3%). Penyertaan responden sebahagian besar adalah dalam kalangan umurnya 26 hingga 35 tahun iaitu seramai 29 orang (34.5%). Kaum Melayu seramai 55 orang (73.3%) merupakan responden yang paling ramai dalam menyertai kajian ini. Kebanyakan responden yang turut serta dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan pada peringkat diploma pendidikan iaitu seramai 66 orang (79.1%). Responden-responden ini juga majoritinya telah mempunyai pengalaman mengajar di institusi pendidikan prasekolah tersebut melebihi 5 tahun iaitu seramai 65 orang (77.9%). Guru merupakan suri teladan dalam membangunkan dan memupuk perkembangan kemahiran fizikal dalam kalangan kanak-kanak. Justeru, tahap keaktifan responden terhadap penglibatan aktiviti fizikal diambil bagi menunjukkan ciri umum responden yang kebanyakannya hanya berada pada tahap sederhana aktif iaitu 66.3%.

Instrumen kajian ini melibatkan penggunaan soal selidik yang telah diadaptasi serta diubahsuai daripada komponen pengetahuan pedagogi Model Magnusson et al., (1999) dalam instrumen kajian Mishra dan Koehler (2006). Maklumat demografi responden juga diperolehi melalui soal selidik. Soalan-soalan di dalam soal selidik yang digunakan adalah berbentuk pernyataan yang positif berdasarkan subtopik-subtopik amalan pengetahuan pedagogi terhadap kandungan, strategi pengajaran, objektif dan aplikasi dunia sebenar, kesukaran murid dan penilaian murid. Satu garis panduan untuk skor min telah ditetapkan bagi skala likert untuk memudahkan perbincangan dan penjelasan mengenai tahap dalam kajian skor ini. Penjelasan adalah seperti jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Interpretasi Nilai Pekali Min Skala Lima Likert

Skor min	Interprestasi pengetahuan pedagogi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Neuman (2006)

Objektif 1: Persepsi Amalan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Tunjang

Jadual 3 adalah ringkasan analisis tahap subtopik amalan pengetahuan pedagogi kandungan berpandukan nilai kekerapan, peratusan dan nilai skor min. Keseluruhan hasil analisis bagi amalan pengetahuan pedagogi kandungan tunjang perkembangan fizikal bagi guru pendidikan prasekolah Tabika KEMAS di sekitar Negeri Melaka berada pada tahap yang agak baik iaitu sederhana tinggi berdasarkan nilai skor min, (M=3.75) (79.2%). Nilai min tertinggi bagi subtopik pengetahuan terhadap kesukaran murid iaitu (M=3.88) menunjukkan guru Tabika KEMAS di sekitar Negeri Melaka berpengetahuan mengesan kesukaran murid ketika

pengajaran dengan meneroka pengetahuan sedia ada murid untuk melihat kesukaran murid terhadap sesuatu konsep. Namun masih terdapat juga segelintir guru prasekolah Tabika KEMAS yang kurang mahir melaksanakan pelbagai pentaksiran yang disediakan dengan nilai min ($M=3.65$) dan ini menyukarkan guru melaksanakan penilaian murid dalam aktiviti kemahiran tunjang perkembangan fizikal yang dijalankan.

Jadual 3: Subtopik Amalan Pengetahuan Pedagogi Kandungan

Amalan Pengetahuan Pedagogi Kandungan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Prestasi
Pengetahuan terhadap standard kandungan		3.8%	20%	76.2%		3.74	Sederhana Tinggi
Pengetahuan terhadap strategi pengajaran		6.3%	14.5%	79.2%		3.73	Sederhana Tinggi
Pengetahuan terhadap objektif dan aplikasi dunia sebenar		5.5%	16.4%	78.1%		3.72	Sederhana Tinggi
Pengetahuan terhadap kesukaran murid			13.3%	85.7%	1%	3.88	Sederhana Tinggi
Pengetahuan penilaian murid		9.8%	14.6%	75.6%		3.65	Sederhana Tinggi
Jumlah Keseluruhan	0%	5.08%	15.76%	78.96	0.2%	3.74	Sederhana Tinggi

Objektif 2: Persepsi Pengetahuan terhadap standard kandungan

Secara keseluruhan, Jadual 4 menunjukkan responden kajian memiliki pengetahuan terhadap standard kandungan pada tahap nilai min sederhana tinggi iaitu ($M=3.74$). Namun terdapat item dalam subtopik ini menunjukkan nilai min ($M=3.6$) dengan hanya 65% sahaja responden kajian memilih bersetuju setiap guru perlu mempunyai pelbagai cara dan strategi membangunkan pemahaman standard kandungan dalam tunjang perkembangan fizikal. Walaubagaimanapun item B4 menunjukkan peratusan tertinggi (100%) dimana responden kajian bersetuju mempunyai pengetahuan terhadap konsep perkembangan fizikal dengan nilai min ($M=4$).

Jadual 4: Persepsi Pengetahuan Terhadap Standard Kandungan

Pengetahuan Terhadap Standard Kandungan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Prestasi
B1: Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengendalikan aktiviti fizikal		6 % (5)	21.4% (18)	72.6% (61)		3.7	Sederhana Tinggi
B2: Saya mampu utk membangunkan perkembangan fizikal secara autentik dlm penyampaian pengajaran saya		3.6% (3)	26.2% (22)	70.2% (59)		3.7	Sederhana Tinggi
B3: Saya mempunyai pelbagai cara dan strategi membangunkan pemahaman kandungan saya dlm tunjang perkembangan fizikal		3.6% (3)	31% (26)	65.% (55)		3.6	Sederhana Tinggi
B4: Saya mempunyai pengetahuan tentang sesuatu konsep perkembangan fizikal				100% (84)		4	Sederhana Tinggi
B5: Saya mempunyai pemikiran untuk melakukan aktiviti fizikal seumur hidup		6.0 % (5)	21.4% (18)	72.6% (61)		3.7	Sederhana Tinggi
Jumlah	0%	3.8%	20%	76.2%	0%	3.74	Sederhana Tinggi

Objektif 3: Persepsi Pengetahuan terhadap strategi pengajaran

Dalam Jadual 5 dibawah, dapat disimpulkan daripada keputusan yang diperoleh, kebanyakan guru pendidikan prasekolah Tabika KEMAS di sekitar Negri Melaka mempunyai pengetahuan strategi pengajaran yang sederhana tinggi iaitu nilai min (M=3.73) dengan peratusan pemilihan setuju dan sangat setuju adalah 79.2%. Walaubagaimanapun penggunaan pendekatan bermain dalam pengajaran kemahiran fizikal menunjukkan keputusan sedikit rendah berbanding item yang lain di dalam subtopik ini dengan nilai min (M=3.5) dengan peratusan 64.2% sahaja yang bersetuju.

Jadual 5: Pengetahuan terhadap strategi pengajaran

Pengetahuan Terhadap Strategi Pengajaran	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Prestasi
B6: Saya boleh menyesuaikan pengajaran saya berdasarkan apa yang murid faham dan tidak faham.				100% (84)		4.0	Sederhana Tinggi
B7: Saya boleh menyesuaikan gaya pengajaran kepada murid mengikut keperluan dan keupayaan.			11.9% (10)	88.1 (74)		3.9	Sederhana Tinggi
B8: Saya tahu bagaimana untuk mengendalikan aktiviti fizikal yang efektif dalam tunjang perkembangan fizikal		6.0% (5)	11.9% (10)	82.1% (69)		3.8	Sederhana Tinggi
B9: Saya tahu bagaimana memilih pendekatan pengajaran yg komprehensif utk membimbing murid berfikir dan belajar dalam kemahiran yang diajar.		7.2% (6)	22.6% (19)	70.2% (59)		3.6	Sederhana Tinggi
B10: Saya menggunakan kaedah permainan utk membantu murid memahami sesuatu konsep perkembangan fizikal		17.9% (15)	17.9% (15)	64.2% (54)		3.5	Sederhana Tinggi
B11: Saya melakukan kaedah dan teknik seperti kuliah, demonstrasi, simulasi, sebahagian-keseluruhan dan lain-lain dalam tunjang perkembangan fizikal		7.2% (6)	22.6% (19)	70.2% (59)		3.6	Sederhana Tinggi
KESELURUHAN	0%	6.3%	14.5%	79.2%	0%	3.73	Sederhana Tinggi

Objektif 4: Persepsi Pengetahuan terhadap objektif dan aplikasi dunia sebenar

Jadual 6 memperincikan bahawa kebanyakan guru pendidikan prasekolah KEMAS setuju dengan 78.1% mengenai mereka mempunyai pengetahuan dalam objektif pengajaran dan menggunakan aplikasi pengajaran kepada dunia seharian murid dengan purata nilai min secara keseluruhan (M=3.72) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Namun begitu penggunaan kaedah analogi dalam pengajaran sesuatu konsep dalam perkembangan fizikal dilihat mempunyai nilai min yang terendah iaitu (M=3.5) berbanding item yang lain dalam subtopik ini.

Jadual 6: Persepsi pengetahuan terhadap objektif dan aplikasi dunia sebenar

Pengetahuan Terhadap Objektif Dan Aplikasi Dunia Sebenar	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Prestasi
B12: Saya memahami murid dengan jelas objektif pembelajaran dalam tunjang perkembangan fizikal			14.3% (12)	85.7% (72)		3.9	Sederhana Tinggi
B13: Objektif pengajaran dalam tunjang perkembangan fizikal tercapai setiap kali pdp			17.9% (15)	82.1% (69)		3.8	Sederhana Tinggi
B14: Saya dapat mengaitkan isi kandungan dengan aplikasi dalam dunia sebenar.		4.8% (4)	17.9% (15)	77.3% (65)		3.7	Sederhana Tinggi
B15: Saya menggunakan contoh kemahiran fizikal yg dipelajari utk menjelaskan kemahiran asas dalam konsep asas sukan.		4.8% (4)	14.3% (12)	80.9% (68)		3.7	Sederhana Tinggi
B16: Saya menggunakan kaedah analogi permainan sukan utk membantu murid memahami sesuatu konsep kemahiran asas		17.9% (15)	17.9% (15)	64.2% (54)		3.5	Sederhana Tinggi
KESELURUHAN (N=420)	0%	5.5%	16.4%	78.1%	0%	3.72	Sederhana Tinggi

Objektif 5: Persepsi Pengetahuan Terhadap Kesukaran Murid

Jadual 7 akan memperincikan lagi peratusan responden berdasarkan item-item pengetahuan terhadap kesukaran murid. Keseluruhan guru pendidikan prasekolah KEMAS di sekitar Negeri Melaka mempunyai pengetahuan terhadap kesukaran murid pada tahap nilai min tertinggi iaitu M=3.88 dengan 86.7 % responden setuju dan sangat bersetuju dengan item subtopik ini.

Jadual 7: Pengetahuan Terhadap Kesukaran Murid

Pengetahuan Terhadap Kesukaran Murid	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Prestasi
B17: Saya memberi perhatian terhadap kesukaran yang dihadapi murid.			14.3% (12)	85.7% (72)		3.9	Sederhana Tinggi
B18: Saya membetulkan kesalahan teknik indikator kemahiran asas murid dgn mengaitkan pengetahuan sedia ada kpd kemahiran fizikal yg betul dan selamat			22% (18)	78% (66)		3.8	Sederhana Tinggi
B19: Saya berpengetahuan terhadap kesukaran murid melakukan akt kemahiran fizikal serta menghubungkan kpd pengetahuan sedia ada, kesilapan teknik & salah konsep			11% (9)	84.1% (71)	4.9% (4)	3.9	Sederhana Tinggi
B20: Saya membetulkan kesalahan kemahiran fizikal dgn segera menggunakan kaedah demonstrasi mengikut kadar pergerakan sebenar kpd murid.				100% (84)		4.0	Sederhana Tinggi
B21: Saya lebih cenderung untuk meneroka pengetahuan awal murid.			20.7% (17)	79.3% (67)		3.8	Sederhana Tinggi
KESELURUHAN (N=420)	0%	0%	13.3%	85.7%	1%	3.88	Sederhana Tinggi

Objektif 6: Persepsi Pengetahuan Terhadap Penilaian Pelajar

Jadual 8 menunjukkan item-item pernyataan dalam subtopik Pengetahuan penilaian murid menunjukkan keseluruhan nilai min yang paling rendah iaitu (M=3.65) tetapi masih lagi berada pada tahap sederhana tinggi. Penilaian adalah satu proses berterusan untuk menentukan kaedah yang disyorkan digunakan dalam pengajaran oleh guru-guru dan di samping itu maklum balas penilaian boleh memberi bimbingan dan panduan kepada pengajar untuk mengatasi

kekurangan yang wujud (Zainal et al. 2013). Hasil kajian menunjukkan masih ada segelintir guru Prasekolah Tabika Kemas yang kurang mahir melaksanakan penilaian berasaskan norma (M=3.7) (75%) dan penilaian berasaskan kriteria dengan nilai min (M=3.5) disebabkan kurang menguasai isi kandungan kurikulum (64.2%). Faktor penguasaan kandungan kurikulum ini secara langsung juga dilihat menjejaskan keupayaan guru bagi menggalakan murid terlibat dalam aktiviti fizikal yang berstruktur, jelas dan bermatlamat dengan nilai min (M=3.5) (64.2%).

Jadual 8: Subtopik Pengetahuan Terhadap Penilaian murid

Pengetahuan Terhadap Penilaian murid	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Prestasi
B22: Saya tahu bagaimana utk menilai prestasi kemahiran asas fizikal murid di dlm aktiviti fizikal.			10.7% (9)	89.3% (75)		3.9	Sederhana Tinggi
B23: Saya menggunakan penilaian berasaskan norma utk mentafsir kemajuan prestasi perkembangan fizikal dikalangan murid dlm satu kump		3.6% (3)	21.4% (18)	75% (63)		3.7	Sederhana Tinggi
B24: Saya menggunakan penilaian berasaskan kriteria utk menilai tahap prestasi kemajuan prestasi perkembangan fizikal murid.		17.9% (15)	17.9% (15)	64.2% (54)		3.5	Sederhana Tinggi
B25: Saya dpt menggalakan perlakuan pergerakan asas murid melalui permainan kecil yang mencabar		17.9% (15)	17.9% (15)	64.2% (54)		3.5	Sederhana Tinggi
KESELURUHAN	0%	9.8%	14.6%	75.6%	0%	3.65	Sederhana Tinggi

7. Perbincangan

Guru pendidikan prasekolah merupakan agen penting dalam penyampaian pengetahuan dan kemahiran asas fizikal kepada murid. Oleh itu, keberkesanan mengendalikan pengajaran bergantung kepada Tahap kecekapan amalan pengetahuan pedagogi kandungan dipengaruhi oleh tahap pengetahuan terhadap standard kandungan, pengetahuan terhadap strategi pengajaran, pengetahuan terhadap objektif dan aplikasi dunia sebenar, pengetahuan terhadap kesukaran murid, dan pengetahuan penilaian murid. Guru yang berkebolehan menguasai kesemua tahap pengetahuan ini dengan baik, berupaya membuat penilaian kekuatan dan kelemahan murid seterusnya memberi maklumbalas yang positif kepada murid semasa dan selepas pengajaran sesuatu kemahiran aktiviti fizikal (Ab Jalil & Amran 2023).

Selain itu, kajian ini juga bertujuan melihat penggunaan pendekatan kaedah permainan dalam mengendalikan tunjang perkembangan fizikal. Pengkaji mendapati walaupun item pendekatan permainan dalam kajian ini iaitu B10, B11, B16, B24 dan B25 berada pada tahap sederhana tinggi tetapi item tersebut menunjukkan nilai min yang paling rendah iaitu (M=3.5) berbanding dengan item tahap pengetahuan yang lain. Namun terdapat dalam dapatan kajian lepas menyatakan faktor alatan, ruang dan peruntukan masa aktiviti merupakan punca utama kegagalan pendekatan bermain dilaksanakan di pendidikan prasekolah (Mohamed Norok & Kamarudin 2022); (Siti Nur Aishah, Ab Rashid & Suziyani 2021); (Dr. Tadkiroatun Musfiroh & M. Hum. 2018)

Dapatan kajian relevan dijadikan rujukan oleh KPM khususnya dan Program Pendidikan Prasekolah agensi kerajaan yang lain, seterusnya menilai sejauh mana tahap amalan pengetahuan pedagogi tunjang perkembangan fizikal bagi guru pendidikan prasekolah Tabika KEMAS dapat membuat penambahbaikan dari masa ke semasa. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia khususnya dalam pendidikan prasekolah menunjukkan betapa pentingnya pengetahuan pedagogi guru dalam mengendalikan Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menyeronokkan kepada murid. Penemuan dalam kajian ini yang menyumbang kepada literatur berkaitan amalan pengetahuan pedagogi guru pendidikan prasekolah mengendalikan tunjang perkembangan fizikal dalam kalangan guru pendidikan prasekolah jenis kerajaan serta dapat memberi gambaran secara langsung bagaimana merancang, mengurus dan mengelolakan standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi dalam tunjang perkembangan fizikal secara kreatif. Maklumat ini akan memberi faedah kepada pelbagai pihak khususnya kepada program pendidikan prasekolah dibawah agensi kerajaan seperti KEMAS, Perpaduan, prasekolah KPM, prasekolah islam dan juga prasekolah swasta yang berperanan secara langsung dalam Program pendidikan Prasekolah Kebangsaan.

Permasalahan ketidakupayaan pengetahuan dan kemahiran guru prasekolah Tabika KEMAS memerlukan intervensi bagi mengendalikan instruksional Tunjang Perkembangan Fizikal yang menyeronokkan dan bermakna. Terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan oleh dapatan kajian lepas, diantaranya pembangunan sumber rujukan atau panduan berasaskan permainan dalam mengendalikan instruksional pelbagai penguasaan kemahiran yang lebih efektif di pendidikan praekolah (Ili Raihana & Suziyani 2023); (Cheung et al. 2023); (Tee Ying Qin & Mariani Md Nor 2018). Selain itu juga kaedah kajian tinjauan bagi amalan pengetahuan pedagogi ini perlu dilaksanakan dalam bentuk kualitatif juga selain memberikan soal selidik (kuantitatif) kepada responden. Hal ini supaya kajian yang dijalankan mendapat maklumat dan data yang lebih banyak daripada responden serta data yang diperoleh juga akan lebih tepat dan jujur daripada responden.

8. Kesimpulan

Hasil dari kajian ini, mendapati amalan pengetahuan pedagogi dalam tunjang perkembangan fizikal guru pendidikan Prasekolah Tabika KEMAS di sekitar Negeri Melaka masih berada pada tahap agak baik. Namun begitu, pengetahuan menggunakan pendekatan permainan untuk membantu murid memahami sesuatu konsep kemahiran asas fizikal, serta penilaian kemahiran secara sistematik dan berstruktur perlu didedahkan lebih meluas. Sehubungan dengan itu kajian ini dapat digunakan untuk menambahbaikkan kualiti instruksi guru di dalam pendidikan awal tidak kira sektor kerajaan mahupun swasta perlu sejajar matlamat Standard Guru Malaysia dengan matlamat Pendidikan Negara. Justeru itu, adalah penting untuk guru pendidikan prasekolah Tabika KEMAS didedahkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi bagi meningkatkan kualiti dalam PdP. Sekali gus membina profesionalisme dalam profesion perguruan serta teknik pengajaran yang mampu menarik minat murid pendidikan prasekolah dengan lebih berkesan. Dengan ini, guru pendidikan prasekolah akan sentiasa berusaha memenuhi keperluan sukatan pelajaran dan kandungan pengajaran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang telah ditetapkan.

Rujukan

- Ab Jalil, N. A. & Amran, M. S. 2023. Tahap Pengetahuan dan Amalan Kemahiran Fungsi Eksekutif Guru Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(5): e002334. doi:10.47405/mjssh.v8i5.2334
- Asmaa, K. & Bakar, K. A. 2021. Persepsi Guru Pra Sekolah Swasta Terhadap Pelaksanaan Program Jom Sihat (Private Preschool Teachers Perception Towards The Implementation Of The Jom Sihat Program). *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(512): 512–523.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, K. P. M. 2017. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Basoglu, U. D. 2018. The Importance of Physical Literacy for Physical Education and Recreation. *Journal of Education and Training Studies* 6(4 April 2018): 2016–2019. doi:10.11114/jets.v6i4.3022
- Battaglia, G., Alesi, M., Tabacchi, G., Palma, A. & Bellafiore, M. 2019. The development of motor and pre-literacy skills by a physical education program in preschool children: A non-randomized pilot trial. *Frontiers in Psychology* 9(JAN): 1–10. doi:10.3389/fpsyg.2018.02694
- Boon, N. S. 2010. Governance of Education Related ECCE Policies in Malaysia. *International Journal of Child Care and Education Policy* 4(1): 45–57. doi:10.1007/2288-6729-4-1-45
- Carson, V., Lee, E. Y., Hewitt, L., Jennings, C., Hunter, S., Kuzik, N., Stearns, J. A., et al. 2017. Systematic review of the relationships between physical activity and health indicators in the early years (0-4 years). *BMC Public Health* 17(Suppl 5). doi:10.1186/s12889-017-4860-0
- Cheung, W. C., Ostrosky, M. M., Favazza, P. C., Stalega, M. & Yang, H. W. 2023. Exploring the Perspectives of Preschool Teachers on Implementing Structured Motor Programs in Inclusive Classrooms. *Early Childhood Education Journal* 51(2): 361–370. doi:10.1007/s10643-021-01295-x
- Dr. Tadkiroatun Musfiroh & M. Hum. 2018. Teori dan Konsep Bermain. Modul PAUD: Bermain dan Permainan Anak UT 1–44. Retrieved from <http://repository.ut.ac.id/4699/1/PAUD4201-M1.pdf>
- Haziq, M., Sharif, M., Nasarudin, M., Azid, C., Kanak-kanak, J. P. A., Manusia, F. P., Pendidikan, U., et al. 2021. Penerapan Kaedah Tunjuk Cara Dalam Aktiviti Fizikal Dan Estetika Untuk Meningkatkan Kemahiran Menggantung Kanak-Kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 10(2): 85–102. doi:10.37134/jpak.vol10.2.8.2021
- Ili Raihana, Abd Rashid & Suziyani, M. 2023. Cabaran Guru Melaksanakan Pendekatan Bermain dalam PdP di Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(6): e002204. doi:10.47405/mjssh.v8i6.2204
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2023. Facts & Figures Indeks Budaya Sukan Malaysia 2022 (IBSM'22). Retrieved from www.iyres.gov.my
- kementerian Pendidikan Malaysia. 2023. Kurikulum Persekolahan 2027 #kurikulumkita. Malaysia.
- Mansor, R., Ahmad, A., Azmah, N. & Yusuff, N. 2016. Pembinaan Karektor Unggul Murid Menerusi Aktiviti Kokurikulum. *Pendidikan* 9(1394–7176): 1–12.
- Masnan, A. H., Anthony, N. E. & Zainudin, N. A. S. 2019. Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan* 8(April): 33–41. doi:10.37134/jpak.vol8.5.2019

- Masnan, S. B. A. & Mohamed, S. 2023. Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru dalam melaksanakan Aktiviti Muzik dan Pergerakan terhadap Kanak-Kanak Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(3): e002194. doi:10.47405/mjssh.v8i3.2194
- Ministry of Education Malaysia. 2013. *Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025 (Preschool to Post-Secondary Education)*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved from <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>
- Mohamed Norok, N. B. & Kamarudin, K. F. 2022. Tahap Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Kaedah Bermain Sambil Belajar Bagi Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(1): 132–144. doi:10.47405/mjssh.v7i1.1246
- Mohd Sharif Muhammad Haziq. 2019. Amalan Bersesuaian Perkembangan sebagai Kompetensi Profesional Guru dalam Pendidikan Prasekolah. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies* 2(1).
- Nik Muhamad Amal Mohd Asri, M. N. A. R. & A. M. S. 2023. Strategi Pengajaran Guru Prasekolah Menerusi Pemikiran Pendidikan Al-Ghazālī: Konsensus Pakar. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education* 10(1): 11–18. Retrieved from <https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/42724>
- Norzly Nordin, M. S. A. 2020. Isu dan cabaran dalam pentaksiran kanak-kanak di taska. *Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)* 5(November): 761–768.
- Norfaezah Mohd Hamidin, Siti Nurhajariah Md Isa, Awatif Abdul Rahman & Idi Hamdi. 2017. Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Pakk) Di Malaysia: Kajian Literatur. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial&Kemanusiaan* 88–91.
- Rahmatullah, B., Muhamad Rawai, N., Mohamad Samuri, S. & Md Yassin, S. 2021. Overview of early childhood care and education in Malaysia. *Hungarian Educational Research Journal* 11(4): 396–412. doi:10.1556/063.2021.00074
- Rosmah, A. G. & Mariani, M. N. 2017. Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan oleh Guru Prasekolah: Data Pliminery. *International Conference on Early Childhood Education* 14.
- Rosmah, A. G. & Mariani, M. N. 2020. Faktor Yang Mempengaruhi Peranan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) Di Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 8(4): 35–49.
- Rosny, M. & Kamariah, A. B. 2021. Cabaran Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan Simulasi Jual Beli. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(3): 42–52. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Siti Nur Aishah, Ab Rashid & Suziyani, M. 2021. Pelaksanaan aktiviti terapi bermain di prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 213–221.
- Tee Ying Qin & Mariani Md Nor. 2018. Exploring issues on teaching and learning in Malaysian Private Preschools. *Malaysian Online Journal of Educational Management* 6(2): 67–82. doi:10.22452/mojem.vol6no2.4
- Tiziana D’isanto & Francesca D’elia. 2021. Body, movement, and outdoor education in pre-school during the COVID-19 pandemic: perceptions of teachers. *Journal of Physical Education and Sport @ (JPES)* 21(1): 709–713. doi:10.7752/jpes.2021.s1087
- Unit Perancang Ekonomi Malaysia. 2000. *Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)*. Website Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Retrieved from <https://www.epu.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/rancangan-pembangunan-rmk/rancangan-malaysia-kelapan-rmke-8-2001-2005>
- Wan Fatul, N. & Alias, A. 2020. Pengetahuan Guru Prasekolah Mengenai Ciri-Ciri Murid Masalah Pembelajaran. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 4(2): 45–53. doi:10.33102/jqss.vol4no2.80

- Ward, D. S., Neshteruk, C. D. & Mazzucca, S. 2020. Means of Optimizing Physical Activity in the Preschool Environment: A Commentary on Coe (2019). *American Journal of Lifestyle Medicine* 14(1): 28–31. doi:10.1177/1559827619881126
- World Bank. 2023. *Shaping First Steps: A Comprehensive Review of Preschool Education in Malaysia*. Washington, DC.
- Zainal, N., Ibrahim, N. H., Surif, J., Mohktar, L. E. & Abd Rahman, N. F. 2013. Amalan Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) dalam kalangan pensyarah Kimia Universiti Teknologi Malaysia. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013) (Isqae): 154–165.
- Zakiah Ashari & Kamis Baharuddin. 2016. *Pedagogi Berasaskan Bermain Di Prasekolah: Satu Kajian Meta Analisis*. Pendidikan Awal Kanak-kanak (November).